**Chart 4.1.2: Total number of persons engaged by category of workers, 2010**



### 4.2 PERFORMANCE OF PROFESSIONAL, SCIENTIFIC AND TECHNICAL SERVICES

A total of 19,215 **establishments** were operating in the professional, scientific and technical services in 2010. Three industries have been identified as the highest contributors in terms of number of establishments, where legal services recorded 4,889 establishments or 25.4 per cent; other professional scientific and technical services such as photographic activities and specialised design activities recorded 3,218 establishments or 16.7 per cent and accounting services recorded 2,971 establishments or 15.5 per cent (Chart 4.2.1).

**Chart 4.2.1: Percentage distribution of number establishments for professional, scientific and technical services, 2010**




**Notation:**

\*Others refer to translation and interpretation activities; business brokerage activities; security consulting; activities of head offices and any other professional, scientific and technical activities.

**Value of gross output** generated was RM20.9 billion. Engineering services accounted for the highest value of gross output, RM5.0 billion or 23.8 per cent, followed by legal services, RM3.4 billion or 16.5 per cent and other professional, scientific and technical services, RM3.3 billion or 15.6 per cent.

**Value added** amounted to RM11.8 billion in 2010. During this period, engineering services was the highest contributor with RM2.52 billion or 21.3 per cent. This was followed by legal services with RM2.50 billion or 21.1 per cent and other professional, scientific and technical services, RM1.9 billion or 15.8 per cent. Chart 4.2.2 shows the percentage distribution of value of gross output and value added by type in 2010.

**Chart 4.2.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by type, 2010**



**Value of fixed assets** owned was RM5.2 billion. Establishments engaged in engineering services owned the highest value of fixed assets with RM1.6 billion or 31.3 per cent, followed by other professional, scientific and technical services, RM1.0 billion or 20.2 per cent and architectural services, RM0.7 billion or 13.4 per cent.

**Total number of persons engaged** was 165,062 persons, of which 87.1 per cent or 143,797 persons were paid full-time employees. Out of the total number of paid full-time employees, the clerical and related occupations category constituted the highest number, 46,801 persons or 28.4 per cent. Salaries & wages received by this group was RM0.9 billion. Meanwhile, the managerial, professional and executives category was the second highest, with 41,769 persons or 25.3 per cent and the salaries & wages paid was RM2.2 billion. Male workers was higher than female workers, 52.6 per cent against 47.4 per cent.

## SUMMARY FINDINGS

Employees in the managerial, professional and executives category received an average annual salary of RM53,242. Specifically, the highest average annual salary was received by employees in the advertising with RM74,813. This was followed by engineering and management consultancy and market research with RM59,277 and RM54,862 respectively (Table 4.2.1).


**Table 4.2.1: Average annual salary per employee in the managerial, professional and executives category by type, 2010**

Type	Paid employees	%	Salaries & wages paid (RM million)	%	Average annual salary per employee (RM)
<b>Legal</b>	8,635	20.7	447	20.1	51,820
<b>Accounting</b>	8,390	20.1	402	18.1	47,930
<b>Architectural</b>	3,441	8.2	185	8.3	53,812
<b>Engineering</b>	8,453	20.2	501	22.5	59,277
<b>Surveying</b>	1,755	4.2	93	4.2	52,896
<b>Advertising</b>	2,091	5.0	156	7.0	74,813
<b>Veterinary</b>	367	0.9	10	0.4	27,490
<b>Management consultancy and market research</b>	4,446	10.6	244	11.0	54,862
<b>Other professional, scientific and technical services</b>	4,191	10.0	185	8.3	44,085
<b>Total</b>	<b>41,769</b>	<b>100.0</b>	<b>2,223</b>	<b>100.0</b>	<b>53,242</b>

### 4.3 PERFORMANCE OF ADMINISTRATIVE AND SUPPORT SERVICES

Industries categorised here include rental and leasing activities; employment activities; travel agency, tour operator and reservation services; security and investigation activities; services to building and landscape activities; Meeting, Incentive, Convention, Exhibition (MICE) Centres and other business support activities. A total of 10,768 **establishments** operated in this services in 2010. Establishments in building and landscape activities was the highest, 3,126 or 29.0 per cent, followed by office administrative and other business support activities, 2,161 establishments or 20.1 per cent and travel agency, tour operator and reservation services 1,938 establishments or 18.0 per cent. Chart 4.3.1 shows the percentage distribution of establishments by type in 2010.


**Chart 4.3.1: Percentage distribution of establishments by type, 2010**



Of the value of gross output generated in 2010 (RM15.6 billion), travel agency, tour operator and reservation services was the highest contributor, RM8.7 billion or 55.5 per cent, followed by security and investigation activities, RM1.8 billion or 11.8 per cent and rental and leasing activities, RM1.5 billion or 9.7 per cent.

As in the above, travel agency, tour operator and reservation services was also the highest contributor to value added with RM1.7 billion or 31.1 per cent. This was followed by security and investigation activities, RM1.0 billion or 18.6 per cent. Chart 4.3.2 shows the percentage distribution of value of gross output and value added by type in 2010.

**Chart 4.3.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by type, 2010**




## SUMMARY FINDINGS

**Value of fixed assets** owned in 2010 was RM5.5 billion. Establishments engaged in rental and leasing activities recorded the highest value of fixed assets, RM2.8 billion or 50.3 per cent, followed by travel agency, tour operator and reservation services, RM1.1 billion or 19.8 per cent.

**Total number of persons engaged** was 114,923 persons, of which 90.9 per cent or 104,468 persons were paid full-time employees. Of this number, general workers constituted the highest number, 59,076 persons or 51.4 per cent (Chart 4.3.3).


**Chart 4.3.3: Total number of persons engaged by category of workers, 2010**



## 5. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS

**Women-owned establishments** in this sub-sector amounted 5,042 or 13.2 per cent in 2010. W.P. Kuala Lumpur had the highest percentage with 26.3 per cent, followed by Selangor, 23.0 per cent and Johor, 11.7 per cent. Meanwhile, other states such as W.P. Labuan, Perlis and W.P. Putrajaya had only 1.0 per cent of such establishments (Chart 5.1).


**Chart 5.1: Percentage distribution of women-owned establishments by state, 2010**



## SUMMARY FINDINGS

By type of services, women-owned establishments dominated in professional, scientific and technical services, 55.5 per cent, specifically in legal services. This was followed by administrative and support services with 30.0 per cent and real estate services, 14.5 per cent (Chart 5.2).

**Chart 5.2: Percentage distribution of women-owned establishments by type, 2010**



**Number of establishments : 5,042**



**NOTA TEKNIKAL**  
*TECHNICAL NOTES*



- Pendahuluan** Laporan ini memuatkan data perkhidmatan hartanah; perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal dan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.
- Objektif** Objektif utama Banci ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pertumbuhan, komposisi, profil dan perangkaan utama bagi subsektor ini untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperoleh digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input output, indeks perkhidmatan dan kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat analisis ekonomi.
- Kuasa perundangan** Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, data individu adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan.
- Skop dan liputan** Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam:
- (i) **Perkhidmatan hartanah** adalah seperti berikut:
    - (a) Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan; dan
    - (b) Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak.
  - (ii) **Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal** adalah seperti berikut:
    - (a) Perkhidmatan guaman;
    - (b) Perkhidmatan perakaunan;
    - (c) Perkhidmatan arkitek;
    - (d) Perkhidmatan kejuruteraan;
    - (e) Perkhidmatan juruukur;
    - (f) Perkhidmatan pengiklanan;
    - (g) Perkhidmatan veterinar;
    - (h) Perkhidmatan pakar runding pengurusan dan penyelidikan pasaran;
    - (i) Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain.

(iii) **Perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan** adalah seperti berikut:

- (a) Aktiviti sewaan dan pajakan;
- (b) Aktiviti pekerjaan;
- (c) Agensi pengembaraan, operator pelancongan dan khidmat penempahan;
- (d) Aktiviti keselamatan dan penyiasatan;
- (e) Aktiviti perkhidmatan bangunan dan lanskap;
- (f) Pusat Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE); dan
- (g) Aktiviti pengurusan pejabat dan sokongan perniagaan lain.

Sumber maklumat utama rangka pertubuhan diperolehi daripada jabatan-jabatan kerajaan, lembaga dan persatuan badan-badan profesional dan agensi/perbadanan yang berkaitan seperti di bawah:

- i) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi
- ii) Majlis Peguam
- iii) Jabatan Kehakiman Sarawak
- iv) Institut Akauntan Malaysia
- v) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- vi) Lembaga Arkitek Malaysia
- vii) Pertubuhan Arkitek Malaysia
- viii) Lembaga Jurutera Malaysia
- ix) Institut Jurutera Malaysia
- x) Persatuan Jurutera Perunding Malaysia
- xi) Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
- xii) Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
- xiii) Institut Juruukur Malaysia
- xiv) Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah, Malaysia
- xv) Lembaga Juruukur Sabah
- xiv) Jabatan Tanah & Ukur Sarawak

Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti lokasi/alamat pos untuk memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

## **Konsep dan definisi**

Definisi perkhidmatan hartanah; perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal dan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Definisi tersebut berasaskan kepada prinsip berikut:

### **1. Perkhidmatan hartanah**

Bahagian ini termasuk tindakan seperti pemberi pajak, agen dan / atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah eskrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut.

#### **i. Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan**

Merujuk kepada aktiviti pembelian, penjualan, penyewaan dan pengendalian bagi hartanah milikan sendiri atau pajakan; penyediaan rumah dan flat atau pangsapuri yang berkelengkapan atau tanpa kelengkapan untuk kegunaan kekal, kebiasaannya berdasarkan bulanan atau tahunan; pembangunan bagi projek yang dibina untuk operasi sendiri, penyewaan ruang dalam bangunan; pembahagian hartanah kepada lot tanpa pembaikan tanah dan operasi tapak rumah kediaman bergerak.

#### **ii. Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak**

Merujuk kepada aktiviti agen dan broker hartanah untuk pembelian, penjualan dan penyewaan hartanah; pengurusan, penilaian dan pentaksiran hartanah dan aktiviti hartanah lain atas dasar bayaran atau kontrak. Perkhidmatan ini turut disediakan bagi pertubuhan yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia.

### **2. Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal**

Bahagian ini termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik dan teknikal. Perkhidmatan ini memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Ia termasuk perkhidmatan guaman dan perakaunan, perkhidmatan ibu pejabat, perkhidmatan perundingan pengurusan, perkhidmatan arkitek dan kejuruteraan, ujian teknikal dan analisis, penyelidikan dan pembangunan saintifik, pengiklanan, penyelidikan pasaran, perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain dan veterinar.

## i. Perkhidmatan guaman

Merujuk kepada perkhidmatan yang diberi oleh peguamcara yang membuka firma sendiri. Termasuk perkhidmatan yang disediakan hanya oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka yang berdaftar dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Disemak 1992).

a) Merujuk kepada perwakilan guaman bagi kepentingan satu pihak menentang pihak lain, sama ada dalam atau luar mahkamah atau badan kehakiman lain, atau di bawah pengawasan, seseorang yang menjadi ahli badan peguam:

- ◆ nasihat dan perwakilan kes jenayah;
- ◆ nasihat dan perwakilan kes sivil;
- ◆ nasihat dan perwakilan berhubung dengan pertelingkahan buruh.

b) Termasuk juga perkhidmatan kaunseling dan nasihat umum, penyediaan dokumen undang-undang:

- ◆ artikel perbadanan, perjanjian perkongsian atau dokumen yang seumpamanya berhubung dengan penubuhan syarikat;
- ◆ paten dan hakcipta;
- ◆ penyediaan surat perjanjian, wasiat, amanah dan sebagainya.

c) Perkhidmatan guaman juga merujuk kepada perkhidmatan notari awam lain, notari undang-undang sivil, penjamin, penimbangtara, pemeriksa dan pendamai.

## ii. Perkhidmatan perakaunan

Merujuk kepada perkhidmatan perakaunan, pengauditan dan simpan kira yang disediakan untuk orang lain. Ini termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka yang berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia di bawah Akta Akauntan 1967. Perkhidmatan perundingan percukaian termasuk dalam banci ini.

Merujuk juga kepada perkhidmatan yang melibatkan rekod transaksi komersil untuk perniagaan atau lain-lain, penyediaan atau audit akaun kewangan, pemeriksaan akaun dan pengesahan ketepatannya dan penyediaan penyata cukai pendapatan persendirian dan perniagaan. Termasuk juga perkhidmatan berkaitan khidmat nasihat dan perwakilan (selain daripada perwakilan undang-undang) bagi pihak pelanggan kepada pihak berkuasa cukai.

### iii. Perkhidmatan arkitek

Merujuk kepada perkhidmatan arkitek yang disediakan atas dasar bayaran atau kontrak. Ini termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka yang berdaftar di bawah Seksyen (A) Daftar Arkitek yang diselenggarakan oleh Lembaga Arkitek di bawah Akta Arkitek, 1967 (Disemak 1973).

- a) Perkhidmatan perundingan arkitek melibatkan reka bentuk dan draf bangunan dan pengawasan pembinaan, perancangan bandar dan bandar raya dan arkitek landskap.
- b) Termasuk perkhidmatan pelukis pelan yang disediakan atas dasar bayaran atau kontrak. Ini termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka yang berdaftar di bawah Seksyen (B) Daftar Pelukis Pelan Bangunan yang diselenggarakan oleh Lembaga Arkitek, di bawah Akta Arkitek 1967 (Disemak 1973).

### iv. Perkhidmatan kejuruteraan

Merujuk kepada perkhidmatan kejuruteraan yang disediakan atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk dalam perkhidmatan ini adalah perkhidmatan penyelidikan, pembangunan dan ujikaji kejuruteraan. Perkhidmatan ini mesti diberi oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka yang berdaftar di bawah Seksyen 7(1) Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 (Disemak 1987).

- a) Termasuk perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan (iaitu menggunakan undang-undang fizikal dan prinsip kejuruteraan dalam reka bentuk mesin, bahan-bahan, peralatan, struktur, proses dan sistem) dan perkhidmatan perundingan untuk:
  - ◆ jentera, proses perindustrian dan loji perindustrian;
  - ◆ projek melibatkan kejuruteraan awam, hidraulik dan trafik;
  - ◆ projek pengurusan air;
  - ◆ projek penghuraian dan realisasi relatif kepada kejuruteraan elektrik dan elektronik, perlombongan, kimia, mekanikal, perindustrian dan sistem dan keselamatan;
  - ◆ perkhidmatan pengurusan projek berkaitan dengan pembinaan.
- b) Perkhidmatan kejuruteraan juga merujuk kepada huraian projek yang menggunakan alat penyaman udara, penyejukan, kebersihan dan kejuruteraan mengawal pencemaran, kejuruteraan akustik dan lain-lain.

### v. Perkhidmatan juruukur

Merujuk kepada perkhidmatan juruukur yang diberi atas dasar bayaran atau kontrak. Ini termasuk perkhidmatan juruukur tanah dan juruukur bahan

yang disediakan oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Tanah dan Lembaga Juruukur Bahan yang masing-masingnya diselenggarakan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Disemak 1991) dan Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 (Disemak 1992).

### vi. Perkhidmatan pengiklanan

Merujuk kepada penyediaan perkhidmatan pengiklanan secara keseluruhan melalui kemampuan secara dalaman atau di subkontrak.

Pertubuhan ini menyediakan perkhidmatan pengiklanan seperti:

- ◆ mencipta dan meletakkan iklan di dalam surat khabar, terbitan berkala, radio, televisyen, internet dan lain-lain media;
- ◆ mencipta dan meletakkan iklan di luar, contoh: papan iklan, panel, buletin dan gambar, hiasan tingkap, peragaan bilik pameran, iklan di kereta dan bas dan lain-lain;
- ◆ wakil media iaitu jualan ruang dan masa untuk pelbagai media bagi tujuan pengiklanan, pengiklanan dari udara, pengedaran atau penghantaran bahan atau sampel pengiklanan, peruntukan ruang di papan iklan, penyediaan tapak, tempat letak dan struktur pameran lain;
- ◆ mengadakan kempen pemasaran dan perkhidmatan pengiklanan lain yang ditujukan untuk menarik perhatian dan kesetiaan pengguna (promosi produk, pemasaran di tempat jualan, pengiklanan pos secara terus, perundingan pemasaran).

Tidak termasuk perkhidmatan penerbitan bahan pengiklanan, pengeluaran mesej iklan untuk radio, televisyen dan filem, perkhidmatan perhubungan awam, penyelidikan pasaran, pengiklanan fotografi, penganjuran konvensyen dan pertunjukan perdagangan dan perkhidmatan pengeposan secara terus (mengalamat, pra-penyisihan dan sebagainya).

### vii. Perkhidmatan veterinar

Merujuk kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan haiwan yang disediakan oleh pertubuhan yang dikendalikan oleh mereka (yang diberi sijil pengamal tahunan) yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia di bawah Akta Doktor Veterinar, 1974.

Kumpulan ini termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pengawalan haiwan ternakan dan haiwan peliharaan. Perkhidmatan ini dijalankan oleh doktor veterinar yang berkelayakan semasa bekerja di hospital veterinar dan juga ketika melawat ladang, rumah anjing atau rumah, di bilik perundingan dan pembedahan sendiri atau di tempat lain. Kumpulan ini termasuk juga aktiviti pembantu veterinar atau kakitangan



veterinar tambahan lain, *clinico-pathological* dan perkhidmatan diagnostik lain berkaitan dengan haiwan serta perkhidmatan ambulan haiwan.

## **viii. Perkhidmatan pakar runding pengurusan dan penyelidikan pasaran**

### **a) Perkhidmatan perundingan pengurusan**

Merujuk kepada perkhidmatan khidmat nasihat dan bantuan kepada perniagaan dan organisasi lain berkenaan isu pengurusan, seperti perancangan strategik dan organisasi; perancangan kewangan dan belanjawan; objektif pemasaran dan polisi; polisi sumber manusia; amalan, dan perancangan; penjadualan pengeluaran; dan perancangan kawalan. Perkhidmatan pengurusan merujuk kepada perundingan pengurusan perniagaan, perkhidmatan perundingan sumber manusia, perkhidmatan perundingan perhubungan awam dan komunikasi.

Perkhidmatan ini boleh juga meliputi khidmat nasihat, bimbingan atau bantuan operasi kepada perniagaan dan perkhidmatan awam berhubung dengan hubungan awam dan komunikasi; perkhidmatan melobi; mereka kaedah atau prosedur perakaunan, program perakaunan kos, prosedur perancangan peruntukan dan khidmat nasihat dan bantuan kepada perniagaan dan perkhidmatan awam dalam perancangan, pengurusan, kecekapan dan kawalan, informasi pengurusan dan lain-lain.

### **b) Penyelidikan pasaran dan tinjauan pendapat umum**

Merujuk kepada penyiasatan ke atas potensi pasaran, penerimaan dan kebiasaan kepada sesuatu produk dan tabiat membeli pengguna bagi tujuan promosi jualan dan pembangunan produk baru, termasuk juga keputusan daripada analisis statistik, penyiasatan ke atas pendapat kolektif umum berkenaan isu politik, ekonomi dan sosial serta analisis statistik yang berkaitan.

## **xi. Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain**

### **a) Ujian teknikal dan analisis**

Merujuk kepada perkhidmatan berkaitan pencapaian fizikal, ujian kimia dan analitikal lain bagi semua jenis bahan dan produk; perakuan produk, termasuk barang pengguna, kenderaan bermotor, pesawat, kontena bertekanan tinggi, loji nuklear, dll.; ujian berkala keselamatan jalan raya ke atas kenderaan bermotor; ujian dengan menggunakan model atau replika (cth; kapal terbang, kapal, empangan, dll); operasi di makmal polis.

## **b) Perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan saintifik**

Merujuk kepada tiga jenis perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan: (1) penyelidikan asas seperti eksperimen atau bersifat teori dijalankan terutamanya untuk memperoleh pengetahuan baru yang menjadi asas sesuatu fenomena dan fakta yang boleh dilihat, tanpa mengambil kira aplikasi atau kegunaan tertentu, (2) penyelidikan gunaan: penyelidikan asli yang dijalankan untuk mendapat pengetahuan baru; terarah kepada tujuan atau objektif khusus dan (3) pembangunan eksperimen: kerja yang bersistematik, menggunakan pengetahuan yang diperoleh hasil daripada penyelidikan dan/atau pengalaman praktikal, yang terus digunakan untuk mengeluarkan bahan produk dan alatan baru untuk memasang proses, sistem dan perkhidmatan baru dan untuk menambahbaik sesuatu yang telah dihasilkan atau dipasang.

## **c) Perkhidmatan mereka bentuk khusus**

Merujuk kepada perkhidmatan pereka fesyen berkaitan dengan tekstil, pakaian, kasut, barang kemas, perabut dan hiasan dalaman lain dan barang fesyen lain juga barang peribadi dan isi rumah lain; reka bentuk perindustrian, iaitu: mencipta dan membangun spesifikasi dan reka bentuk bagi mengoptimumkan penggunaan, nilai dan penampilan produk, termasuk penentuan bahan, pembinaan, mekanisme, bentuk, warna dan gilapan akhir produk, dengan mengambil kira sifat dan keperluan manusia, keselamatan, tarikan pasaran dan kecekapan pengeluaran, pengedaran, penggunaan dan penyelenggaraan; perkhidmatan pereka grafik; perkhidmatan juruhias dalaman.

## **d) Perkhidmatan fotografi**

Merujuk kepada perkhidmatan pengeluaran fotograf komersial dan pengguna seperti fotografi potret untuk passport, sekolah, perkahwinan dll; fotografi untuk tujuan komersial, penerbit, fesyen, hartanah atau pelancongan; fotografi dari udara; rakaman video majlis: perkahwinan, mesyuarat dll; memproses filem seperti pencucian, percetakan dan pembesaran dan negatif yang diambil oleh pelanggan atau *cine-films*; pencucian filem dan makmal percetakan foto; kedai gambar satu jam (tidak termasuk kedai menjual kamera); melekap slaid dan penyalinan dan pemulihan atau pengemasan semula transparensi berkaitan dengan gambar; perkhidmatan jurugambar wartawan; memikrofilem dokumen.

## **e) Lain-lain**

Merujuk kepada aktiviti penterjemahan dan pentafsiran; aktiviti broker perniagaan; perunding keselamatan; aktiviti ibu pejabat dan aktiviti profesional, saintifik dan teknikal tidak terkelas di tempat lain.

**3. Pentadbiran dan khidmat sokongan**

Bahagian ini termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan. Ia termasuk aktiviti sewaan dan pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan dan aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan dan penyiasatan, aktiviti perkhidmatan kepada bangunan dan lanskap, pentadbiran pejabat, aktiviti sokongan pejabat dan perniagaan lain.

**i. Aktiviti sewaan dan pajakan**

Merujuk kepada perkhidmatan sewaan kenderaan bermotor, kelengkapan persendirian dan isi rumah, pajakan mesin dan kelengkapan lain yang selalunya digunakan untuk operasi perniagaan, termasuk kelengkapan pengangkutan lain dan produk yang seumpamanya.

**ii. Aktiviti pekerjaan**

Merujuk kepada perkhidmatan menyenaraikan kekosongan pekerjaan dan menempatkan permohonan untuk pekerjaan, yang mana individu yang dirujuk atau ditempatkan bukanlah pekerja kepada agensi pekerjaan, membekal pekerja kepada perniagaan pelanggan bagi jangka masa terhad untuk menambah tenaga kerja pelanggan dan aktiviti menyediakan sumber manusia dan perkhidmatan pengurusan sumber manusia berdasarkan kontrak atau yuran.

**iii. Agensi pengembaraan, operator pelancongan dan khidmat penempahan**

Merujuk kepada perkhidmatan menjual perkhidmatan pengembaraan, pelancongan, pengangkutan dan penginapan kepada umum dan pelanggan komersil serta aktiviti mengatur dan merancang pelancongan yang dijual melalui agensi pengembaraan atau secara terus oleh agen seperti operator pelancongan, serta perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan termasuk perkhidmatan penempahan. Termasuk juga ialah aktiviti pemandu pelancong dan promosi pelancongan.

**iv. Aktiviti keselamatan dan penyiasatan**

Merujuk kepada perkhidmatan berkaitan keselamatan seperti perkhidmatan penyiasatan, perkhidmatan pengawal dan rondaan, termasuk juga operasi sistem penggera keselamatan elektronik.

**v. Aktiviti perkhidmatan bangunan dan lanskap**

Merujuk kepada perkhidmatan sokongan gabungan pelbagai kemudahan, aktiviti pembersihan dan aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan lanskap.

## vi. Pusat Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE)

Merujuk kepada pusat yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan acara mesyuarat, persidangan, konvensyen, pameran, insentif dan lain-lain acara yang berkaitan. Pusat ini menyediakan ruang yang fleksibel, berkemampuan mengendalikan pelbagai acara serta dilengkapi dengan kelengkapan audio visual dan telekomunikasi.

## vii. Aktiviti pengurusan pejabat dan sokongan perniagaan lain

Merujuk kepada perkhidmatan pengurusan dan sokongan pejabat, aktiviti pusat panggilan, pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan dan aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan.

### Tahun banci

Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

### Tahun rujukan

Tahun rujukan bagi banci ini adalah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.

### Metodologi

Banci ini dilaksanakan secara mel dengan menggunakan borang soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak memberi jawapan.

### Unit melapor

Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan. Pertubuhan ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal". Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktisnya, akaun biasanya disediakan secara berpusat yang sukar untuk diasingkan mengikut unit atau cawangan. Entiti atau enterpris berkenaan dianggap sebagai satu pertubuhan dan dibenarkan menghantar satu borang soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangan.

## **Jenis aktiviti perniagaan**

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder adalah sampingan atau sokongan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri pertubuhan dibuat berdasarkan aktiviti utama dan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. MSIC 2008 yang diguna pakai adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

## **Taraf sah**

Taraf sah sesebuah pertubuhan ditakrifkan seperti berikut:

### **(i) Hak milik perseorangan**

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki oleh orang perseorangan dan dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengendalikan urusan pertubuhannya.

### **(ii) Perkongsian**

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju untuk mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh semua atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

### **(iii) Syarikat sendirian berhad**

Merujuk kepada sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- (a) Menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- (b) Menghadkan bilangan pemegang sahamnya di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang masih menjadi ahli);
- (c) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- (d) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan ataupun untuk dibayar bila dituntut, sama ada dengan faedah atau tidak.

**(iv) Syarikat awam berhad**

Syarikat awam berhad juga merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

**(v) Koperasi**

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahlinya.

**(vi) Perbadanan awam**

Ia merujuk kepada sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

**vii) Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan**

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperoleh dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

**(viii) Lain-lain**

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak termasuk di mana-mana kategori yang tersebut di atas.

**Pertubuhan milikan wanita**

Ia merujuk kepada pertubuhan yang memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti yang dipegang oleh wanita ATAU pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita ATAU Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

**Struktur hak milik**

Struktur hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak

dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah 'Hak Milik Bersama'.

Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan dan perbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai residen Malaysia.

Bukan residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara lain selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negara dianggap sebagai bukan residen Malaysia.

**Perbelanjaan modal** Merujuk kepada pembelian harta dan kos pengubahsuaian dan pembaikan besar kepada harta sepanjang tahun rujukan.

**Nilai output kasar** Nilai output kasar ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

- Pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan
- + Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
- Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
- + Perkhidmatan pengurusan
- + Komisen dan pembrokeran yang diterima
- + Yuran yang diterima daripada keahlian
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
- + Pendapatan operasi lain
- + Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
- + Stok akhir
- Stok awal

**Nilai input perantaraan** Nilai input perantaraan ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

- Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan
- + Premium insurans
- + Royalti dan yuran paten
- + Caj bank
- + Pembelian elektrik dan air

- + Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
- + Perbelanjaan operasi lain

### **Nilai ditambah**

Nilai ditambah adalah tambahan kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah pertubuhan. Nilai ditambah diperoleh daripada perbezaan antara nilai output kasar dengan input perantaraan.

### **Jumlah pekerja**

Jumlah pekerja meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir pada tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

#### **(i) Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif**

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam pertubuhan. Justeru itu, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

#### **(ii) Pekerja keluarga tidak bergaji**

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara 'regular' sama ada dalam bentuk wang tunai atau mata benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

#### **(iii) Pekerja sepenuh masa**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan.

#### **(iv) Pekerja sambilan**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan / atau kurang daripada 20 hari sebulan.



## Gaji & upah

Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk yang dibayar bonus, komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan **dikecualikan**. **Elaun** kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

## Nilai harta tetap

Harta tetap meliputi semua barangan, baru atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ia termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain-lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta pembuka dan penutup bagi tahun rujukan 2010 adalah berasaskan nilai buku akaun. Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai sebenar yang dibayar. Nilai aset yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.

## Pembundaran

Penjumlahan dan campuran komponen-komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar di dalam jadual-jadual dalam penerbitan ini disebabkan pembundaran angka.

## Pengiraan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun

Pengiraan pertumbuhan tahunan dikompaun (  $r$  ) adalah berdasarkan formula berikut:

$$y_t = y_0(1 + r)^t$$

Di mana  $r$ ,

$$r = e^{\frac{1}{t} \ln \left( \frac{y_t}{y_0} \right)} - 1$$

Di mana,

$y_t$	=	Nilai pada tahun semasa
$y_0$	=	Nilai pada tahun sebelum
$t$	=	Bilangan tahun, $y_t \cdot y_0$
$r$	=	Pertumbuhan tahunan dikompaun

## Huruf ringkas

Huruf ringkas berikut telah digunakan di dalam keseluruhan penerbitan:

- tiada
- } cantum
- RM Ringgit Malaysia
- t.t.t.l. tidak terkelas di tempat lain
- dll. dan lain-lain

- Introduction** *This report provides information on real estate services; professional, scientific and technical services and administrative and support services for reference year 2010. The data were collected and compiled from the Economic Census conducted in 2011.*
- Objective** *The main objective of this census is to collect information pertaining to growth, composition, profile and principal statistics of this subsector to assist the government in development planning and formulation of policies. The data are also used for the compilation of national accounts, input-output tables, index of services and specific studies. In addition, the results are also used by private sector and individuals for economic analysis.*
- Legal authority** *The census was conducted under the provisions of the **Statistics Act 1965 (Revised 1989)**. Section 5 of this Act requires all establishments operating in Malaysia to provide actual information or best estimates to the Department. The Act stipulates that the contents of individual returns are **confidential** and only aggregated figures are published.*
- Scope and coverage** *The census covered all registered establishments engaged in:*
- (i) **Real estate services** as a listed below:*
    - (a) Real estate activities with own leased property; and*
    - (b) Real estate activities on a fee or contract basis.*
  - (ii) **Professional, scientific and technical services** as a listed below:*
    - (a) Legal services;*
    - (b) Accounting services;*
    - (c) Architecture services;*
    - (d) Engineering services;*
    - (e) Surveying services;*
    - (f) Advertising services;*
    - (g) Veterinary services;*
    - (h) Management consultancy and market research services;*
    - (i) Other professional, scientific and technical activities.*
  - (iii) **Administrative and support service** as a listed below:*
    - (a) Rental and leasing activities;*
    - (b) Employment activities;*
    - (c) Travel agency, tour operator and reservation services;*
    - (d) Security and investigation activities;*
    - (e) Services to buildings and landscape activities;*
    - (f) Meeting, Incentive, Conference, Exhibition (MICE) Centres; and*
    - (g) Office administrative and other business support activities.*

The sources of information for the frame are from government departments, boards and associations of professional bodies and other relevant agencies/bodies as stated below:

- i) High Court Registry
- ii) Bar Council-Legal Directory
- iii) Judicial Department, Sarawak
- iv) Malaysian Institute of Accountants
- v) Malaysia Institute of Certified Public Accountants
- vi) Board of Architects, Malaysia
- vii) Malaysian Institute of Architects
- viii) Board of Engineers, Malaysia
- ix) The Institution of Engineers, Malaysia
- x) Association of Consulting Engineers, Malaysia
- xi) Board of Land Surveyors, Malaysia
- xii) Board of Quantity Surveyors, Malaysia
- xiii) Institution of Surveyors, Malaysia
- xiv) Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents, Malaysia
- xv) Sabah Surveyors Board
- xvi) Land and Survey Department, Sarawak

The frame is updated annually to take into account new establishments and to record any changes in the status of the establishments such as closed down, not in operation, change in activity and location/correspondence address so as to ensure that the frame is at the most current status.

## **Concepts and definitions**

The definition of real estate services; professional, scientific and technical services and administrative and support services adopted in this publication is based on the recommendations of the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 ver. 1.0. The definitions are based on the following principles:

### **1. Real estate services**

This division includes acting as lessors, agents and/or brokers in one or more of the following: selling or buying real estate, renting real estate, providing other real estate services such as appraising real estate, property management or acting as real estate escrow agents. Activities in this division may be carried out on own or leased property and may be done on a fee or contract basis. Also included is the building of structures, combined with maintaining ownership or leasing of such structures.

**i. Real estate activities with own leased property**

*Refers to the activities of buying, selling, renting and operating of self-owned or leased real estate; provision of homes and furnished or unfurnished flats or apartments for more permanent use, typically on a monthly or annual basis; development of building projects for own operation; renting of space in the buildings; subdividing real estate into lots, without land improvement and operation of residential mobile home sites.*

**ii. Real estate activities on a fee or contract basis**

*Refers to activities of real estate agents and brokers for buying, selling and renting of real estate; management, appraisal and valuers of real estate and other real estate activities on a fee or contract basis. These services provided by establishments registered with the Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents Malaysia.*

**2. Professional, scientific and technical services**

*This division includes specialized professional, scientific and technical activities. These services require a high degree of training, and make specialized knowledge and skills available to users. Includes legal and accounting services; head offices services; management consultancy services; architecture and engineering services; technical testing and analysis; scientific research and development; advertising and market research; other professional, scientific & technical services and veterinary.*

**i. Legal services**

*Refers to services provided by advocates, barristers and solicitors in the private practice. These include services provided by establishments operated by persons registered with the Registrar of High Court, Kuala Lumpur under the Legal Profession Act, 1976 (Revised 1992).*

*(a) Refers to legal representation of one party's interest against another party, whether or not before courts or other judicial bodies by, or under supervision of, persons who are members of the bar:*

- ◆ advice and representation in civil cases;*
- ◆ advice and representation in criminal cases;*
- ◆ advice and representation in connection with labour disputes.*

*(b) Includes general counselling and advising, preparation of legal documents:*

- ◆ articles of incorporation, partnership agreements or similar documents in connection with company formation;*
- ◆ patents and copyrights;*

- ◆ preparation of deeds, wills, trusts, etc.

(c) Legal services also refers to other activities of notaries public, civil law notaries, bailiffs, arbitrators, examiners and referees.

## ii. Accounting services

Refers to the provision of accounting, auditing and bookkeeping services for others. These include services provided by establishments operated by persons registered with the Malaysian Institute of Accountants under the Accountants Act, 1967. Tax consultancy services are included in this census.

Also refers to services involving the recording of commercial transactions from businesses or others, the preparation or auditing of financial accounts, the examination of accounts and the certification of their accuracy and the preparation of personal and business income tax returns. Included are related advisory activities and representation (other than legal representation) on behalf of clients before tax authorities.

## iii. Architectural services

Refers to the provision of architectural services on a fee or contract basis. These include services provided by establishments operated by persons registered under Section (A) of the Register of Architects maintained by the Board of Architects under the provisions of the Architects Act, 1967 (Revised 1973).

- a) Architectural consulting activities which concerns building design and drafting and often supervision of construction, town and city planning and landscape architecture.
- b) Include the provision of surveying services for others on a fee or contract basis. These include services provided by establishments operated by persons registered under Section (B) of the Register of Building Draughtsman maintained by the Board of Architects under the provisions of the Architects Act, 1967 (Revised 1973).

## iv. Engineering services

Refers to the provision of engineering services for others on a fee or contract basis. Included are engineering research, development and testing services. These services must be provided by establishments operated by persons registered under Section 7(1) of the Registration of Engineers Act, 1967 (Revised 1987).

- a) Include engineering design (i.e. applying physical laws and principles of engineering in the design of machines, materials, instruments, structures, processes and systems) and consulting activities for:
  - ◆ machinery, industrial processes and industrial plant

- ◆ *projects involving civil engineering, hydraulic engineering, traffic engineering*
- ◆ *water management projects*
- ◆ *projects elaboration and realization relative to electrical and electronic engineering, mining engineering, chemical engineering, mechanical, industrial and systems engineering, safety engineering*
- ◆ *project management activities related to construction.*

*b) Engineering services refers to elaboration of projects using air conditioning, refrigeration, sanitary and pollution control engineering, acoustical engineering, etc.*

## **v. Surveying Services**

*Refers to the provision of surveying services for others on a fee or contract basis. Included are land & quantity surveying services provided by establishments operated by persons registered with the Board of Land Surveyors and Board of Quantity Surveyors maintained under the Licensed Land Surveyors Act, 1958 (Revised 1991) and the registration of Quantity Surveyors Act, 1967 (Revised 1992).*

## **vi. Advertising**

*Refers to provision of a full range of advertising services through in-house capabilities or subcontracting. Advertising agency activities encompasses:*

- ◆ *Creating and placing advertising in newspaper, periodicals, radio, television, the internet and other media;*
- ◆ *Creating and placing of outdoor advertising, example: billboards, panels, bulletins and frame, window dressing, showroom design, car and bus carding, and others;*
- ◆ *Media representation i.e. Sale of time and space for various media soliciting advertising, aerial advertising; distribution or delivery of advertising material or samples, provision of advertising space on billboards, creation of stands and other display structures and sites;*
- ◆ *Conducting marketing campaigns and other advertising services aimed at attracting and retaining customers (promotion of product, point of sale marketing, direct mail advertising, marketing consulting).*

*Exclude publishing of advertising material, production of commercial messages for radio, television and film, public relation activities, market research, advertising photography, convention and trade show organizers and direct mailing activities (addressing, pre-sorting, others).*

**vii. Veterinary services**

